

20 AUG 1997

Mahathir-Buku (bergambar)

MAHATHIR AKUI TERHUTANG BUDI KEPADA ALLAHYARHAM TUN RAZAK

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau banyak terhutang budi dengan Allahyarham Tun Abdul Razak kerana tanpa Allahyarham, beliau tidak akan berada di tempatnya sekarang.

"Banyak apa yang terjadi pada saya adalah disebabkan Tun (Razak) hingga menyebabkan Perdana Menteri ketika itu, Tun Hussein Onn, memilih saya sebagai timbalannya," kata Dr Mahathir pada majlis pelancaran buku 'Tun Razak - Jejak Bertapak Seorang Patriot' oleh Datuk Zainuddin Maidin di Pusat Dagangan Dunia Putra, PWTC, di sini petang ini.

Menurut Dr Mahathir, beliau tidak rapat dengan Hussein Onn, "tetapi saya sendiri hairan kenapa saya dipilih sebagai timbalannya."

"Mungkin kerana prestasi saya sebagai menteri pelajaran di bawah pimpinan Tun Abdul Razak begitu baik hingga menyebabkan Allahyarham mencalonkan saya kepada Tun Hussein Onn sebagai Timbalan Perdana Menteri," katanya.

"Jadi, secara peribadi saya banyak terhutang budi kepada Allahyarham Tun Razak, dan sehubungan itu negara juga banyak terhutang budi kepada Allahyarham yang merupakan Bapa Pembangunan," tambahnya.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia semestinya berbangga kerana barisan pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj, Tun Abdul Razak, dan Tun Hussein Onn berpandangan jauh, khususnya Tun Razak yang memberikan tumpuan semasa hayatnya kepada tugas mengisi kemerdekaan sejak awal lagi.

Katanya, sikap dan tindakan para pemimpin Malaysia memandang jauh ke depan patut dipuji, tidak seperti sesetengah negara yang masih kekosongan setelah mencapai kemerdekaan.

Beliau berkata Tun Razak patut dipuji dan disanjung tinggi kerana peranan Allahyarham mengimbangkan kedudukan ekonomi dan taraf hidup kaum Bumiputera agar setanding dengan kaum-kaum lain bagi mengelakkan pergeseran antara kaum seperti apa yang berlaku pada 13 Mei, 1969.

"Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang Allahyarham pelopori kini menjadi bukti hasil perjuangan beliau mengimbangkan ekonomi antara kaum, di samping dasar-dasar pembangunan negara yang beliau ambil berat," katanya.

Dr Mahathir memuji langkah Zainuddin menerusi Yayasan Tun Razak dan Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd, yang menghasilkan buku itu dan secara berseloroh, beliau berkata: "Zainuddin atau lebih dikenali sebagai Zam adalah kawan saya. Ahli politik sememangnya kena berkawan dengan wartawan, kalau tidak teruk kita dibelasah mereka."

Dr Mahathir berkata, rakyat perlu tahu sejarah negara bagi membolehkan mereka lebih menyayangi dan menyanjunginya di samping menghormati dan mengenang jasa para pemimpin yang memperjuangkan kemerdekaan.

"Amat merugikan jika sesuatu tidak dilakukan sementara mereka masih ada kerana yang perlu hanyalah bertanya. Sekarang tidak ramai lagi yang masih ingat dengan baik keadaan negara sebelum merdeka," katanya.

"Zaman kita dijajah dan selepas kita merdeka adalah berbeza. Dulu susah tetapi sekarang kita mewah hingga ramai orang asing datang bekerja," tambahnya.

Dr Mahathir berkata sikap pemimpin dulu pun berbeza dan Allahyarham Tun Razak sanggup berbasikal ke pendalaman, dan sentiasa kelihatan berjalan dengan tongkat tidak seperti pemimpin sekarang yang ke sana sini dengan kereta Mercedes.

Beliau berkata pemimpin dulu juga tidak menonjolkan diri, sebaliknya

banyak merendahkan diri misalnya sewaktu Umno mencari siapa yang layak menggantikan Datuk Onn Jaafar, "tidak seperti sekarang, berebut-rebut, saudara sendiri tahu."

Dr Mahathir berharap buku yang dihasilkan itu akan menjadi bahan bacaan dan rujukan setiap rakyat berbilang kaum khususnya para pelajar. Beliau bagaimanapun merasakan buku berkenaan tidak begitu mencukupi bagi menggambarkan pemimpin yang banyak berjasa kepada negara kerana "ia hanya merekodkan sebahagian kecil saja."

Turut hadir pada majlis itu ialah anggota keluarga Allahyarham, balunya Tun Hajjah Rahah, anak-anaknya termasuk Menteri Pendidikan Datuk Najib Tun Razak dan cucu-cucu Allahyarham.

Buku itu setebal 328 halaman akan dijual dengan harga RM195. Ia adalah buku berkulit keras, sebuah biografi bergambar yang memaparkan keseluruhan hidup Perdana Menteri Malaysia kedua itu.

Gambar-gambar dari pelbagai sumber dihimpunkan dan diatur bagi mengabadikan sumbangan Tun Razak kepada bangsa, agama dan negara.

Terdahulu dalam ucapannya, pengarang buku Zainuddin, berkata menulis tentang Allahyarham Tun Razak, dan mengumpulkan gambar-gambarnya adalah ibarat melalui lorong memori yang panjang, zaman muda kehidupan wartawan yang manis dan liar, suasana kampung yang damai tetapi miskin dan memilukan.

Beliau berkata pengalamannya mengikut Allahyarham ke daerah-daerah miskin benar-benar membangkitkan rasa keinsafan. -- BERNAMA

ZAB+SAJ WAT